



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN YANG MEMPENGARUHI
PENGHAYATAN AKHLAK REMAJA DI SEKOLAH LUAR
BANDAR SABAH: TINJAUAN DARI PERSPEKTIF
PENDIDIKAN ISLAM**

*INTERNAL AND EXTERNAL FACTORS INFLUENCING MORAL
INTERNALIZATION AMONG RURAL SCHOOL ADOLESCENTS IN SABAH: AN
ISLAMIC EDUCATIONAL PERSPECTIVE*

Salmah S Hassan^{1*}, Habibah @ Artini Ramlie², Nur Ilma Ambo³, Norsimah Dasan⁴, Dg. Hafizah Ag. Basir⁵

- ¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: salmahshassan@ums.edu.my
- ² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: habibah_artini@ums.edu.my
- ³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurilma@ums.edu.my
- ⁴ Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: norsimahdasan@ums.edu.my
- ⁵ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: dhafizah@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025
Revised date: 14.04.2025
Accepted date: 15.05.2025
Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Hassan, S. S., Ramlie, H. A., Ambo, N. I., Dasan, N., & Ag. Basir, D. H. (2025). Faktor Dalaman Dan Luaran Yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Remaja Di Sekolah Luar Bandar Sabah: Tinjauan Dari Perspektif Pendidikan Islam.

Abstrak:

Penghayatan akhlak dalam kalangan remaja adalah aspek penting dalam pembentukan jati diri dan sahsiah yang mulia. Kajian ini memfokuskan kepada golongan remaja di sekolah luar bandar di negeri Sabah yang berdepan pelbagai cabaran dari aspek dalaman dan luaran. Pendekatan yang digunakan adalah berbentuk kajian konseptual melalui analisis kepustakaan terhadap karya-karya ilmiah yang berkaitan dengan akhlak, pendidikan Islam dan perkembangan remaja. Kajian ini mengenal pasti bahawa faktor dalaman seperti keimanan, niat, kesedaran sendiri dan motivasi berperanan membentuk nilai-nilai murni dalam diri remaja. Sementara itu, faktor luaran seperti peranan keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya, komuniti dan media sosial turut memberi impak besar terhadap penghayatan akhlak mereka. Pendidikan Islam yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dilihat sebagai jalan penyelesaian paling berkesan untuk membendung kemerosotan akhlak remaja. Justeru kerjasama antara keluarga, pihak sekolah dan komuniti amat diperlukan bagi mengukuhkan penghayatan akhlak dalam kalangan remaja. Hasil kajian

*International Journal of Education,
Psychology and Counseling, 10 (58),
340-354.*

DOI: 10.35631/IJEPC.1058024

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



ini diharapkan dapat membantu memperbaiki kurikulum pendidikan Islam serta mengukuhkan pembangunan akhlak generasi muda masa kini.

Kata Kunci:

Akhlak, Remaja, Pendidikan Islam, Luar Bandar, Faktor Dalam, Faktor Luaran

Abstract:

Moral internalization among adolescents is a crucial aspect in shaping noble character and personal identity. This study focuses on adolescents in rural schools in Sabah who face various internal and external challenges. The approach adopted in this study is conceptual, utilizing literature analysis of scholarly works related to morality, Islamic education, and adolescent development. The study identifies that internal factors such as faith, intention, self-awareness, and motivation play a pivotal role in fostering virtuous values within adolescents. On the other hand, external factors, including the role of family, educational institutions, peers, community, and social media, significantly influence their moral internalization. Islamic education, which emphasizes holistic human development, is viewed as the most effective solution to address the moral decline among adolescents. Consequently, collaboration between families, schools, and communities is deemed essential in reinforcing moral internalization among adolescents. The findings of this study are expected to contribute to the improvement of the Islamic education curriculum and strengthen the moral development of the younger generation.

Keywords:

Morality, Adolescents, Islamic Education, Rural Areas, Internal Factors, External Factors

Pendahuluan

Isu kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja merupakan isu yang semakin menjadi kebimbangan masyarakat, terutamanya apabila melibatkan golongan remaja luar bandar. Walaupun isu ini telah lama diperbincangkan, namun kesannya terus berkembang seiring perubahan zaman yang dipengaruhi oleh globalisasi, perkembangan teknologi serta perubahan struktur sosial (Mohd Nasir et.al, 2024). Remaja di kawasan luar bandar sering berdepan dengan cabaran unik seperti akses terhadap kepada pendidikan agama berkualiti, kekurangan model teladan yang membimbing dan persekitaran sosial yang kurang menyokong pembentukan nilai. Menurut Suhid (2017), akhlak bukan sahaja komponen penting dalam pendidikan Islam, tetapi juga merupakan asas utama kepada pembangunan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani dan emosi. Tanpa asas akhlak yang kukuh, remaja berpotensi untuk mudah terpengaruh dengan budaya hedonistik dan gejala sosial seperti buli, ketagihan media sosial serta keruntuhan moral yang lain.

Mengambil contoh kes buli misalnya. Statistik menunjukkan bahawa kes buli di sekolah meningkat dengan ketara, iaitu daripada 3,887 kes pada tahun 2022 kepada 4,994 kes sehingga Oktober 2023. Peningkatan ini menggambarkan realiti bahawa tingkah laku agresif dalam kalangan remaja semakin berleluasa, terutamanya di kawasan sekolah luar bandar (Astro Awani, 2023). Dalam konteks pendidikan Islam, buli jelas bertentangan dengan prinsip akhlak Islam yang menekankan kasih sayang, hormat, dan persaudaraan. Peningkatan kes ini mungkin

berpunca daripada beberapa faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya yang negatif serta kurangnya program pembentukan akhlak secara berterusan di sekolah.

Lebih membimbangkan, sistem pendidikan di kawasan luar bandar kadangkala tidak mampu menyediakan sokongan yang mencukupi untuk pembangunan sahsiah remaja. Kajian oleh Mohd Akib et al. (2024) menunjukkan bahawa kekangan seperti kekurangan guru yang berkemahiran dalam pendidikan Islam, serta keterbatasan aktiviti bimbingan rohani, menyumbang kepada kurangnya penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar luar bandar. Dalam situasi ini, pendidikan Islam sepatutnya berperanan bukan sahaja sebagai subjek dalam kurikulum, tetapi sebagai pendekatan hidup yang membimbing remaja dalam membuat keputusan bermoral dan membina jati diri yang kuat. Pendidikan Islam yang menyeluruh seharusnya mengintegrasikan nilai dalam setiap aspek kehidupan pelajar, termasuk hubungan mereka dengan keluarga, masyarakat dan Tuhan. Namun, kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada populasi bandar dan sekolah arus perdana, menjadikan remaja luar bandar seperti di Sabah terpinggir dari segi perhatian ilmiah.

Justeru, kajian ini sangat signifikan kerana ia mengisi jurang literatur yang masih belum banyak diterokai iaitu mengenai penghayatan akhlak remaja dari konteks luar bandar Sabah secara spesifik. Ia bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan teori dan amalan dalam pendidikan Islam, tetapi turut menyediakan asas kepada penggubal dasar pendidikan dan masyarakat umum untuk merangka strategi yang lebih bersifat kontekstual dan praktikal. Penekanan terhadap faktor dalaman seperti iman dan motivasi sendiri serta faktor luaran seperti pengaruh keluarga, guru dan media sosial, mampu membentuk suatu kerangka komprehensif dalam usaha membentuk generasi muda yang berakhlak mulia. Oleh itu, kajian secara mendalam terhadap unsur-unsur ini dari perspektif pendidikan Islam sangat diperlukan agar penghayatan akhlak bukan sahaja difahami secara teori, tetapi dapat diterapkan dalam kehidupan harian remaja luar bandar secara lestari dan berkesan.

Sorotan Literatur

Konsep Akhlak dalam Pendidikan Islam

Akhlak dalam pendidikan Islam bukan sekadar aspek sampingan dalam pembangunan insan, malah merupakan teras utama dalam pembentukan keperibadian Muslim sejati. Dalam Islam, akhlak adalah cerminan iman kerana setiap perlakuan luaran seorang Muslim datang daripada keyakinan dalaman terhadap kebenaran ajaran Islam. Yusuf al-Qardawi (2012) menekankan bahawa akhlak adalah manifestasi keimanan dan menjadi penentu kepada kebaikan dan keburukan perlakuan seseorang individu. Hal ini kerana iman yang mantap akan melahirkan tindak tanduk yang seimbang, adil dan selaras dengan nilai-nilai syarak, manakala kelemahan iman akan menyebabkan individu mudah terjerumus dalam kelakuan yang melanggar prinsip moral dan agama (Bahar & Sham, 2023).

Dalam tradisi keilmuan Islam, para ilmuwan klasik seperti al-Ghazali dan Ibn Miskawayh telah menekankan bahawa akhlak bukanlah sesuatu yang terbentuk secara spontan, tetapi perlu dilatih dan dipupuk melalui proses tarbiah jiwa iaitu *tazkiyah al-nafs* (Abd Hamid, 2012). Ibn Miskawayh dalam karya agungnya *Tahzib al-Akhlaq* menjelaskan bahawa manusia dilahirkan dengan potensi moral namun potensi ini hanya dapat dizahirkan melalui latihan sendiri yang konsisten dan berpaksikan wahyu. Baginya, akhlak yang baik ialah kecenderungan yang mantap dalam jiwa untuk memilih kebaikan secara sukarela dan menolak keburukan tanpa paksaan. Hal ini menunjukkan bahawa penghayatan akhlak bukan sekadar pengetahuan

kognitif tentang halal dan haram, tetapi melibatkan pembentukan karakter secara holistik dan berterusan, sejajar dengan ajaran Islam yang menekankan keseimbangan jasmani, rohani, akal dan emosi.

Dalam konteks pendidikan Islam masa kini, pendekatan terhadap pendidikan akhlak harus melampaui batas pengajaran dalam bilik darjah. Ia menuntut kepada persekitaran yang mendorong amalan nilai, model teladan daripada pendidik, serta penyertaan aktif daripada keluarga dan komuniti. Menurut Suhid (2017), pendidikan akhlak yang berkesan ialah pendidikan yang mendidik hati (*qalb*) dan bukan hanya akal (*'aql*) kerana akhlak sejati bermula daripada kesedaran dalaman yang membawa kepada perubahan perilaku secara sukarela. Oleh itu, pendidikan Islam mesti bersifat holistik dan integratif, di mana akhlak tidak diajar sebagai mata pelajaran terasing tetapi dihidupkan dalam keseluruhan ekosistem pendidikan dan kehidupan pelajar. Menerusi pendekatan ini, maka tujuan utama pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang soleh dan seimbang dari segala aspek akan lebih mudah dicapai.

Remaja dan Pembentukan Akhlak

Remaja merupakan fasa peralihan yang amat penting dalam perkembangan manusia yang menandakan perubahan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Fasa ini bukan sahaja melibatkan perubahan fizikal, malah merangkumi perkembangan kognitif, emosi, spiritual dan sosial. Dalam konteks Islam, remaja berada dalam usia taklif iaitu suatu fasa di mana seseorang mula memikul tanggungjawab syarak secara penuh. Justeru, pembentukan akhlak dalam kalangan remaja amat signifikan kerana ia menentukan hala tuju kehidupan mereka pada masa hadapan. Pada tahap ini, remaja mudah terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang boleh membentuk atau mencemarkan sahsiah mereka. Jika proses pembinaan jati diri tidak dipandu dengan nilai-nilai Islam yang jelas dan mantap, remaja berisiko untuk menyimpang daripada akhlak mulia yang dituntut syarak.

Dalam konteks luar bandar, cabaran pembentukan akhlak remaja menjadi lebih kompleks. Kajian oleh Mohd Akib et al. (2024) menunjukkan bahawa remaja luar bandar sering mengalami kekurangan dari segi akses kepada pendidikan agama yang mantap, sumber bimbingan sahsiah yang berstruktur serta model persekitaran yang positif. Tambahan pula, ramai remaja luar bandar datang daripada keluarga berpendapatan rendah yang terpaksa bekerja keras hingga kurang mampu memantau perkembangan akhlak anak-anak. Mereka juga berdepan dengan kekangan untuk menyertai program pembangunan diri atau aktiviti rohani yang berkesan, berbanding rakan sebaya di bandar. Kekurangan ini menyebabkan ramai remaja membentuk nilai diri mereka berdasarkan pengaruh media sosial, rakan sebaya serta budaya popular yang sering kali bertentangan dengan prinsip Islam.

Namun begitu, fasa remaja juga merupakan masa keemasan untuk mendidik dan membentuk akhlak kerana remaja memiliki semangat, tenaga, dan idealisme yang tinggi. Maka pendidikan akhlak sewajarnya dimulakan dengan pendekatan yang menyentuh dimensi dalaman mereka seperti membina hubungan dengan Allah (*habl min Allah*), membentuk harga diri dan memupuk kesedaran tanggungjawab terhadap masyarakat (*habl min al-nas*). Dengan cara ini, nilai akhlak yang ditanam tidak hanya bersifat luaran atau ritual semata-mata, tetapi meresap ke dalam jiwa remaja secara berterusan dan menjadi benteng utama dalam menangkis pengaruh negatif persekitaran.

Faktor Dalam

Faktor dalam merupakan tunjang utama dalam pembentukan akhlak remaja kerana ia merangkumi aspek psikologikal yang mendorong seseorang bertindak secara konsisten dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Dalam pendidikan Islam, pembentukan akhlak bermula daripada iman yang kukuh serta kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai hamba Allah. Iman berfungsi sebagai benteng diri yang memandu pemikiran, sikap dan tindakan individu. Seorang remaja yang beriman akan melihat kehidupan melalui lensa tauhid yang mengiktiraf bahawa setiap perbuatan adalah tertakluk kepada penilaian Allah SWT. Tanpa iman yang mantap, remaja cenderung untuk bertindak mengikut hawa nafsu, tekanan emosi atau pengaruh sekeliling yang negatif. Kekurangan penghayatan ilmu agama dan amalan ibadah seperti solat dalam kalangan remaja menyumbang kepada lemahnya ketahanan spiritual dan memudahkan mereka terjerumus ke dalam tingkah laku menyimpang.

Selain keimanan, niat dan kesedaran diri memainkan peranan penting dalam mengawal tingkah laku seseorang. Dalam Islam, niat yang baik adalah asas kepada setiap amal soleh. Niat yang benar akan menghasilkan tindakan yang terarah dan konsisten dengan matlamat keredhaan Allah. Remaja yang mempunyai kesedaran diri yang tinggi lebih mudah mengawal emosi, membuat pertimbangan moral yang tepat dan bersikap reflektif terhadap tindakan mereka. Goodman dan Dyer (2023) menegaskan bahawa pengalaman keagamaan yang mendalam memperkukuhkan kesedaran sendiri dan menanamkan sikap tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja seterusnya membentuk akhlak yang lebih kukuh. Tanpa niat dan kesedaran, akhlak menjadi kosong kerana perbuatan tersebut dilakukan hanya kerana tekanan luaran, bukan atas dasar keyakinan dan kefahaman individu itu sendiri.

Faktor dalam turut meliputi motivasi dan disiplin sendiri iaitu keupayaan individu untuk menetapkan matlamat dan berusaha mencapainya secara beretika dan berterusan. Remaja yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan dalam yang kuat, keinginan untuk menjadi insan berguna serta kekuatan untuk menolak godaan duniawi. Disiplin sendiri pula merupakan kunci kepada konsistensi amalan baik, seperti solat, menuntut ilmu, dan menjaga adab. Pendidikan Islam memberi penekanan terhadap pembangunan motivasi berasaskan iman, bukan semata-mata demi ganjaran duniawi tetapi kerana kesedaran akan tanggungjawab kepada Allah dan manusia. Oleh yang demikian, pengukuhan faktor dalam ini harus menjadi fokus utama dalam setiap pendekatan pendidikan Islam yang mensasarkan pembangunan akhlak remaja terutamanya di kawasan luar bandar yang mungkin terhad dari segi sokongan luaran yang berstruktur.

Faktor Luaran

Faktor luaran merujuk kepada pengaruh persekitaran yang membentuk atau mengubah tingkah laku dan akhlak seseorang remaja. Dalam konteks ini, keluarga memainkan peranan yang sangat penting kerana ia merupakan institusi pendidikan pertama dalam kehidupan seorang anak. Proses pembentukan akhlak bermula sejak kecil melalui didikan, teguran dan contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Menurut Rameli (2014), asuhan yang berlandaskan ajaran Islam mampu membentuk asas sahsiah yang kukuh dalam diri remaja manakala kelalaian dalam memberi didikan agama boleh menjadikan anak mudah terpengaruh dengan anasir negatif. Ibu bapa yang berakhlak mulia, menjaga solat dan menunjukkan kasih sayang serta disiplin yang seimbang dapat menjadi contoh teladan (*role model*) yang berkesan. Salleh & Ramlan (2023) turut menekankan bahawa ibu bapa sebagai contoh teladan mempunyai pengaruh jangka panjang terhadap perkembangan akhlak anak-anak mereka.

Selain keluarga, sekolah dan guru juga berperanan penting dalam pembentukan akhlak. Sekolah bukan sahaja pusat ilmu, malah medan utama pendidikan nilai. Para guru terutamanya guru pendidikan Islam perlu menjadi *qudwah hasanah* iaitu contoh yang baik dari segi pertuturan, pergaulan dan sikap terhadap pelajar. Sulaiman (2014) menjelaskan bahawa peranan guru dalam menyampaikan pendidikan nilai secara langsung dan tidak langsung sangat berkesan dalam mempengaruhi akhlak murid. Namun begitu, di kawasan luar bandar, keterbatasan dari segi sumber pendidikan, kekurangan guru terlatih dalam bidang pendidikan Islam dan beban kerja yang tinggi menjadikan pelaksanaan pendidikan akhlak di sekolah tidak seperti yang diharapkan. Oleh itu, sistem sokongan yang lebih menyeluruh perlu diwujudkan untuk membantu guru dalam menyampaikan pendidikan akhlak secara berkesan.

Faktor luaran lain termasuklah rakan sebaya, komuniti setempat serta pengaruh media sosial dan teknologi. Rakan sebaya merupakan antara elemen yang paling kuat mempengaruhi tingkah laku remaja kerana pada usia ini, mereka cenderung mencari penerimaan sosial daripada kelompok seumur. Sidik, Awang & Ahmad (2018) mendapati bahawa remaja yang mempunyai rakan yang berakhlak baik cenderung meniru perlakuan tersebut manakala remaja yang terjebak dalam kumpulan negatif pula mudah terbabat dengan gejala sosial seperti ponteng sekolah, merokok dan buli. Media sosial dan teknologi turut menjadi alat dua mata yang menyediakan akses kepada ilmu dan dakwah, namun di sisi lain ia juga menjadi medium penyebaran nilai hedonistik dan budaya permisif yang boleh merosakkan akhlak. Mohd Akib et al. (2024) menyatakan bahawa remaja yang terdedah kepada kandungan negatif tanpa bimbingan mudah terpengaruh, apatah lagi jika mereka kurang didikan agama yang kukuh. Oleh itu, kawalan penggunaan media dan bimbingan dalam berinteraksi dengan teknologi amat penting dalam melindungi akhlak remaja daripada terus terhakis.

Secara keseluruhan, sorotan literatur penulisan ini bolehlah dirumuskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Matriks Kajian Literatur

Pengarang	Tahun	Tajuk Kajian	Dapatan Utama	Cadangan
Mohd Akib et al.	2024	Masalah Spiritual Remaja Berisiko	Kelemahan dalam faktor dalaman dan luaran menyebabkan risiko akhlak.	Perlu pendekatan menyeluruh dalam pendidikan Islam.
Bahar, A. J., & Md. Sham, F.	2023	Pendekatan Sabar dalam Pembentukan Akhlak Muslim Pelajar	Kesabaran sebagai elemen penting dalam pembangunan akhlak Muslim.	Menerapkan konsep sabar dalam kurikulum pendidikan Islam.
Salleh, N. & Ramlan, M.Z	2023	Penghayatan Ihsan terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Islam	Ibu bapa sebagai role model berpengaruh dalam perkembangan akhlak anak.	Mengukuhkan peranan keluarga dalam pendidikan akhlak.
Goodman, M. A., & Dyer, W. J.	2023	Religious Faith and Positive Youth Outcomes	Keimanan memperkukuhkan kesedaran sendiri dan tanggungjawab sosial.	Memperkukuh pengalaman keagamaan dalam pendidikan akhlak.


Sidik, I. F., Awang, M.M., & Ahmad, A.R	2018	Sokongan Persekitaran Sosial dalam Pembentukan Akhlak Remaja	Rakan sebaya yang positif menyumbang kepada pembentukan sahsiah remaja.	Meningkatkan pengaruh rakan sebaya yang positif melalui aktiviti komuniti.
Suhid, A.	2017	Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam	Menekankan pembangunan akhlak melalui pendidikan Islam yang holistik.	Mengintegrasikan nilai akhlak dalam semua aspek pendidikan.
Tan et al.	2016	Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia	Faktor keluarga dan sokongan positif dapat meningkatkan penghayatan akhlak.	Pentingnya persekitaran keluarga yang menyokong.
Sulaiman, A.M.	2014	Peranan Guru dalam Pendidikan Akhlak	Guru sebagai qudwah hasanah penting dalam pembentukan akhlak.	Latihan guru perlu ditingkatkan agar lebih berkesan.
Rameli, N.A.	2014	Pengaruh Persekitaran Keluarga dan Perumahan terhadap Tingkah laku Remaja	Persekitaran keluarga yang positif menyumbang kepada pembentukan akhlak remaja.	Asuhan berlandaskan ajaran Islam perlu ditekankan.
Yusuf al- Qardawi	2012	Akhlak dalam Islam	Akhlak ialah manifestasi keimanan, memandu pemikiran, sikap dan tindakan individu.	Mengukuhkan iman sebagai asas pembentukan akhlak.
Abd Hamid, K. Z.	2012	Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali	Akhlak perlu dilatih dan dipupuk melalui proses tarbiah jiwa.	Mengamalkan tazkiyah al-nafs dalam pendidikan akhlak.

Jadual 1 menunjukkan bahawa penghayatan akhlak dalam kalangan remaja sekolah luar bandar banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merangkumi elemen keimanan, niat, kesedaran sendiri dan motivasi manakala faktor luaran pula melibatkan elemen keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya, komuniti, dan media sosial. Dalam pada itu, pendidikan Islam juga secara tidak langsung didapati memainkan peranan penting sebagai pendekatan menyeluruh dalam menangani kemerosotan akhlak remaja terutamanya dalam konteks sekolah luar bandar yang seringkali berdepan kekangan akses kepada pendidikan agama berkualiti. Justeru itu, kajian ini mengisi jurang literatur dengan memberi tumpuan kepada remaja di kawasan luar bandar Sabah yang sebelum ini kurang dikaji berbanding kawasan bandar. Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi memahami interaksi antara faktor dalaman dan luaran dalam pembentukan akhlak remaja di samping menyediakan asas bagi

merangka strategi pendidikan Islam yang lebih kontekstual dan bersepadu dalam menangani isu akhlak di sekolah luar bandar khususnya.

Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal bagi kajian ini dirangka dengan menggabungkan prinsip-prinsip pendidikan Islam tradisional serta teori sosial untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai pembentukan akhlak remaja. Pendidikan Islam menekankan pembangunan rohani dan akhlak sebagai asas kepada kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Ulama seperti al-Ghazali dan Ibn Miskawayh memperincikan bahawa akhlak merupakan hasil daripada latihan jiwa secara konsisten yang berpaksikan iman dan ketakwaan kepada Allah SWT (Abd Hamid, 2012). Menurut kedua tokoh tersohor ini, jiwa manusia perlu ditarbiah agar sentiasa cenderung kepada kebaikan dan menjauhi kemungkarannya, melalui proses penyucian diri (*tazkiyah al-nafs*). Proses ini bukan bersifat spontan tetapi memerlukan usaha yang berterusan melalui ilmu, amal dan muhasabah. Dalam kerangka ini, akhlak bukan sekadar pengetahuan tetapi hasil pembentukan batin yang memancar keluar sebagai tingkah laku yang beretika dan beradab. Kerangka tersebut dirumuskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Teori Pembangunan Akhlak dan Rohani

Sebagai pelengkap kepada prinsip Islam tersebut, Teori Sosial Kognitif oleh Bandura (1986,1977) diaplikasikan untuk memahami bagaimana remaja membentuk akhlak melalui pemerhatian terhadap persekitaran sosial mereka. Bandura menekankan bahawa tingkah laku manusia terbentuk melalui proses peniruan (*modelling*), pemerhatian terhadap ganjaran atau hukuman (*reinforcement*) serta interaksi berterusan antara individu dan persekitaran mereka. Remaja memerhati dan meniru perlakuan orang dewasa di sekeliling mereka seperti ibu bapa, guru, atau tokoh masyarakat. Jika model tersebut menunjukkan akhlak terpuji, mereka akan cenderung menirunya. Sebaliknya, jika yang dilihat adalah perlakuan negatif tanpa hukuman yang setimpal, mereka akan menganggap tingkah laku tersebut sebagai boleh diterima. Sehubungan itu, persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam menyokong atau merosakkan proses pembentukan akhlak. Teori Bandura dirumuskan seperti Rajah 2.



Rajah 2: Huraian Teori Sosial Kognitif Bandura

Gabungan antara kerangka pendidikan Islam dan teori sosial Bandura membolehkan kita melihat bahawa penghayatan akhlak remaja terbentuk melalui interaksi dinamik antara faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman seperti iman, niat dan disiplin sendiri menjadi asas yang mengukuhkan jati diri remaja manakala faktor luaran seperti keluarga, sekolah, komuniti dan media menjadi ruang yang mempengaruhi dan menguji kekuatan dalaman tersebut. Dengan meletakkan kedua-dua teori ini sebagai kerangka konseptual, kajian ini menekankan bahawa pembentukan akhlak yang mantap tidak akan berlaku jika hanya bergantung kepada satu aspek sahaja. Sebaliknya, pendidikan akhlak perlu bersifat menyeluruh, menekankan pembangunan dalaman individu serta menyediakan persekitaran luaran yang kondusif untuk memperkukuh penghayatan nilai dalam kehidupan seharian remaja.

Perbincangan Konseptual

Interaksi antara faktor dalaman dan luaran dalam pembentukan akhlak remaja luar bandar merupakan proses yang kompleks dan dinamik. Dalam konteks Sabah khususnya di kawasan luar bandar yang memiliki keunikan geografi, budaya dan sosioekonomi tersendiri, proses ini menghadapi pelbagai cabaran. Remaja yang mempunyai iman, niat dan disiplin sendiri yang kukuh memerlukan sokongan persekitaran untuk mengekalkan dan mempraktikkan nilai-nilai akhlak. Sebagai contoh, seorang pelajar sekolah menengah di daerah pedalaman Ranau mungkin rajin bersembahyang dan membaca al-Quran di rumah kerana dibimbing oleh ibu bapanya tetapi apabila berpindah ke asrama sekolah yang kurang penekanan agama, dia mula leka dalam ibadah. Hal ini menunjukkan bahawa kekuatan dalaman remaja perlu diperkukuh dengan pengaruh luaran yang positif dan serasi dengan nilai Islam. Seperti dinyatakan oleh Mohd Akib et al. (2024), kelemahan dalam satu aspek sama ada dalaman atau luaran yang boleh menjejaskan penghayatan akhlak secara keseluruhan.

Sokongan ahli keluarga, kerjasama pihak sekolah dan komuniti sangat penting untuk memastikan nilai akhlak dapat dihayati dan dipraktikkan oleh remaja. Di kawasan luar bandar, masyarakat biasanya masih mempunyai hubungan sosial yang rapat dan saling mengenali antara satu sama lain. Keunikan ini boleh dimanfaatkan dengan memperkasakan peranan masjid, surau, dan jawatankuasa kampung sebagai pusat bimbingan akhlak. Sebagai contoh, program “*Remaja Soleh*” yang dijalankan di Papar, Sabah berjaya mengumpulkan pelajar sekolah setiap hujung minggu untuk mengikuti kelas fardu ain, ceramah motivasi dan aktiviti komuniti bersama imam dan guru agama. Apabila remaja dikelilingi oleh individu dewasa yang prihatin dan menjadi model positif, mereka lebih terdorong untuk mencontohi akhlak baik yang diperlihatkan secara langsung, sejajar dengan prinsip teori Bandura mengenai konsep *modelling*. Malangnya, banyak kawasan luar bandar masih belum memiliki program seumpama ini secara sistematik atau tidak mendapat sokongan berterusan daripada pihak berkuasa.

Dalam usaha membangunkan penghayatan akhlak remaja secara holistik, dasar pendidikan dan penglibatan institusi agama juga perlu dididik secara bersepadu. Pendidikan Islam di sekolah harus diperkasakan bukan sahaja melalui pengajaran di bilik darjah tetapi turut diperkukuh dengan pelaksanaan program pembangunan nilai yang menyentuh aspek amali dan rohani. Latihan guru juga harus memasukkan modul pendidikan akhlak secara kontekstual agar mereka lebih peka terhadap cabaran akhlak yang dihadapi oleh remaja luar bandar. Contohnya, guru yang mengajar di kawasan pesisir seperti Semporna atau Pitas perlu memahami realiti setempat – termasuk kemiskinan, kekangan teknologi, dan pengaruh budaya tempatan – untuk menyampaikan pendidikan Islam yang relevan dan berkesan. Selain itu, peranan masjid boleh diperluas sebagai pusat latihan nilai dan sokongan rohani kepada remaja khususnya pada masa luar waktu persekolahan. Inisiatif sebegini selaras dengan cadangan Suhid (2017) agar pendidikan akhlak tidak dipisahkan daripada realiti sosial remaja sebaliknya dibentuk melalui pengalaman hidup mereka sehari-hari.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penghayatan akhlak remaja di sekolah luar bandar Sabah khususnya dari perspektif pendidikan Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah dokumentasi dan analisis kandungan sebagai strategi penyelidikan utama. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai dalam memahami fenomena sosial yang kompleks terutamanya dalam konteks pendidikan Islam dan pembentukan akhlak remaja.

Melalui kaedah dokumentasi, data dikumpulkan daripada pelbagai sumber sekunder termasuk artikel jurnal, buku ilmiah, laporan kajian terdahulu serta dokumen rasmi yang berkaitan dengan penghayatan akhlak dalam kalangan remaja luar bandar. Sumber data ini dipilih berdasarkan kriteria kebolehpercayaan dan relevansi dalam menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak remaja (Suhid, 2017). Proses analisis data yang melibatkan teknik analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data secara mendalam dan sistematik. Analisis kandungan juga memberi peluang kepada peneliti untuk memahami wacana dan konteks dalam dokumen yang dikumpulkan yang seterusnya membolehkan interpretasi yang lebih menyeluruh dan mendalam. Teknik ini amat relevan dalam kajian ini kerana ia berupaya mendedahkan dimensi konsep serta faktor yang berkaitan dengan penghayatan akhlak remaja secara terperinci (Goodman & Dyer, 2023).

Hasil dan Perbincangan Kajian

Hasil daripada kajian ini menegaskan bahawa penghayatan akhlak remaja di sekolah luar bandar Sabah dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman seperti keimanan, niat, kesedaran sendiri, dan motivasi memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak individu. Keimanan yang kukuh menjadi asas dalam pembentukan akhlak, di mana golongan remaja yang memiliki elemen iman yang teguh cenderung untuk mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi. Kesedaran sendiri pula mampu membantu remaja dalam mengenali dan memahami nilai-nilai akhlak yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Ini juga perlu diselarikan dengan elemen motivasi dalaman yang kuat agar mendorong remaja untuk berpegang kepada prinsip-prinsip moral walaupun menghadapi cabaran dalam persekitaran mereka. Kajian oleh Mat Daud et al. (2020) menyokong pandangan ini dengan menekankan kepentingan pembelajaran sosial dalam membentuk akhlak pelajar melalui pendidikan Islam.

Seterusnya adalah faktor luaran seperti keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya dan komuniti turut memainkan peranan signifikan dalam penghayatan akhlak remaja. Faktor keluarga memainkan peranan penting sebagai institusi pertama yang membentuk nilai-nilai moral dalam diri remaja. Kajian oleh Tan et al. (2016) menunjukkan bahawa persekitaran keluarga yang positif dan sokongan daripada ibu bapa dapat membentuk nilai moral yang tinggi dalam membentuk akhlak para pelajar. Selain itu, institusi pendidikan terutamanya sekolah juga berperanan dalam memperkukuh nilai-nilai akhlak melalui kurikulum dan pengajaran yang berkesan. Institusi seperti sekolah bukan hanya berperanan sebagai institusi akademik tetapi juga sebagai agen sosial yang mendidik pelajar menjadi individu berakhlak mulia (Otinin & Ahmadun, 2024). Rakan sebaya juga memberi pengaruh yang signifikan kerana interaksi dengan rakan yang berakhlak mulia dapat mendorong remaja untuk mengamalkan tingkah laku yang positif. Oleh itu, pemilihan rakan yang berakhlak mulia sangat penting dalam pembentukan sahsiah remaja. Faktor komuniti yang menyokong dan menyediakan persekitaran yang kondusif turut membantu dalam pembentukan akhlak remaja. Jika persekitaran komuniti positif maka ia akan berfungsi sebagai benteng kepada pengaruh negatif dari luar, terutama dalam konteks media sosial dan budaya popular yang mungkin bercanggah dengan nilai agama.

Manakala dalam konteks pendidikan Islam, dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pendekatan yang bersepadu amat diperlukan dalam mendidik akhlak remaja. Hal ini kerana institusi pendidikan bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan ilmu pengetahuan, tetapi juga perlu memperkukuh kurikulum akhlak dengan memberi penekanan kepada elemen dalaman seperti keimanan dan motivasi. Selain itu, penglibatan keluarga dan komuniti juga perlu dipertingkatkan dalam proses pendidikan agar pembentukan akhlak dapat dicapai secara menyeluruh. Selaras dengan pandangan ini, kajian oleh Abd Rahman (2013) turut menyatakan bahawa kolaborasi antara keluarga, sekolah, dan masyarakat merupakan faktor utama dalam memupuk nilai akhlak yang mapan. Dalam hal ini, faktor luaran seperti rakan sebaya dan komuniti dilihat memberi kesan yang signifikan terhadap penghayatan akhlak. Rakan sebaya yang menunjukkan contoh baik akan memperkukuh amalan moral dalam kalangan remaja, manakala persekitaran yang tidak kondusif pula boleh menggugat penghayatan akhlak mereka. Justeru, program pembentukan akhlak di sekolah luar bandar perlu mengambil kira elemen penglibatan rakan sebaya dan komuniti sebagai satu pendekatan holistik dan efektif.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pembentukan akhlak remaja di sekolah luar bandar Sabah dipengaruhi oleh kombinasi faktor dalaman dan luaran. Keimanan, niat, kesedaran sendiri dan motivasi memainkan peranan penting dalam membentuk moral individu.

Sementara itu, keluarga, sekolah, rakan sebaya, dan komuniti bertindak sebagai pemangkin atau penghalang kepada penghayatan akhlak. Oleh itu, pendidikan Islam perlu mengutamakan pendekatan bersepadu yang melibatkan semua pihak agar usaha membentuk generasi muda yang berakhlak mulia dapat direalisasikan dengan lebih efektif dan menyeluruh.

Implikasi Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam

Kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap kurikulum pendidikan Islam di sekolah terutamanya di kawasan luar bandar Sabah. Penghayatan akhlak tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pengajaran teori semata-mata sebaliknya memerlukan pendekatan holistik yang menyentuh aspek kognitif, afektif dan psikologi pelajar. Kandungan kurikulum harus direka bentuk agar bukan sahaja memindahkan pengetahuan tentang akhlak tetapi turut melatih kemahiran hidup berasaskan nilai, seperti kemahiran membuat keputusan bermoral, pengurusan emosi dan penyelesaian konflik. Sebagai contoh, topik seperti “Adab dalam Berkawan” boleh diajar melalui simulasi situasi sebenar yang sering dihadapi remaja seperti buli, pengaruh rakan sebaya atau tekanan media sosial. Ini selaras dengan penekanan Suhid (2017) bahawa pendidikan Islam mesti menyasarkan pembangunan akhlak yang lahir daripada hati, bukan semata-mata keupayaan menghafal definisi atau dalil.

Lebih penting lagi, kajian ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh latihan guru dalam menyampaikan pendidikan akhlak. Guru bukan sahaja bertindak sebagai pendidik, tetapi juga sebagai contoh teladan yang dicontohi pelajar. Oleh itu, latihan guru perlu diperkaya dengan modul pembinaan karakter, pengurusan nilai dalam bilik darjah serta pendekatan dakwah bil hikmah. Di sekolah luar bandar, ramai guru terpaksa mengajar pelbagai subjek termasuk Pendidikan Islam walaupun mereka tiada kepakaran khusus. Situasi ini mengurangkan keberkesanan pengajaran nilai yang sepatutnya menjadi tunjang dalam pembinaan akhlak pelajar. Dengan adanya latihan yang mantap, guru dapat menghidupkan nilai akhlak dalam semua aspek pengajaran, bukan sahaja dalam subjek agama, tetapi juga dalam disiplin, komunikasi dan hubungan dengan pelajar. Hal ini sejajar dengan dapatan Sulaiman (2014) yang menekankan peranan guru pendidikan Islam sebagai ejen utama pembentukan akhlak murid di sekolah.

Selain itu, implikasi kajian ini melibatkan peranan pembuat dasar pendidikan dan pentadbir sekolah. Ekosistem pembelajaran yang menyokong pembentukan akhlak perlu disediakan dan dimantapkan secara aktif dan berkesan. Hal ini termasuklah membangunkan dasar sekolah berasaskan nilai (*value-based policy*), menyediakan ruang fizikal untuk aktiviti rohani seperti surau yang berfungsi dan selesa serta mengaktifkan unit bimbingan dan kaunseling berkonsepkan Islamik. Misalnya, sekolah boleh melaksanakan "Program Sahsiah Remaja" secara bulanan yang menggabungkan ceramah motivasi, sesi muhasabah, aktiviti khidmat masyarakat dan mentor-mentee antara guru dan pelajar. Kajian ini juga mencadangkan penglibatan komuniti luar seperti ibu bapa, tokoh agama serta organisasi bukan kerajaan (NGO) Islamik dalam membantu sekolah melaksanakan program pembangunan akhlak yang menyeluruh. Pendekatan kolaboratif seperti ini terbukti berkesan dalam program-program kemasyarakatan sebelum ini di daerah seperti Papar dan Beaufort yang menunjukkan peningkatan dalam disiplin dan sikap pelajar selepas pendekatan ini dijalankan.

Tambahan pula, kajian ini mempunyai implikasi penting kepada NGO yang berkecimpung dalam bidang pembangunan sosial dan keagamaan. NGO boleh menjadi rakan strategik kepada sekolah dan masyarakat luar bandar dengan menyediakan modul latihan, membekalkan sukarelawan serta menganjurkan kem motivasi serta bengkel pembangunan sahsiah. Sebagai

contoh, beberapa NGO seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah menjalankan program Jalinan Kasih Remaja dengan kerjasama masjid-masjid di Sabah yang melibatkan aktiviti rohani, kepimpinan dan sukan berasaskan nilai Islam. Keberkesanan program seperti ini menekankan bahawa penghayatan akhlak perlu disemai melalui pengalaman hidup, bukan semata-mata dalam bilik darjah. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu digerakkan bersama dalam membina ekosistem pendidikan Islam yang bersifat praktikal, menyeluruh dan berteraskan nilai serta teladan.

Akhir sekali, kajian ini membuka ruang luas untuk penyelidikan lanjutan berdasarkan data yang sah. Kajian seterusnya boleh menilai secara kuantitatif tahap penghayatan akhlak pelajar luar bandar dengan menggunakan instrumen psikometrik yang sah. Sementara itu, kajian kualitatif seperti temubual mendalam dengan pelajar, guru, ibu bapa dan pemimpin komuniti juga boleh dijalankan untuk mendapatkan gambaran holistik terhadap kekangan dan potensi yang wujud dalam sistem pendidikan akhlak semasa. Menerusi penyelidikan lanjut yang berterusan, dasar dan strategi pendidikan Islam dapat dibentuk berdasarkan bukti lapangan yang kukuh, sekali gus menjadikan pendidikan Islam sebagai instrumen transformasi akhlak yang berkesan di sekolah luar bandar Sabah.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penghayatan akhlak remaja di sekolah luar bandar Sabah dari perspektif pendidikan Islam. Berdasarkan analisis kandungan terhadap pelbagai sumber ilmiah, kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Penemuan menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti keimanan, niat, kesedaran sendiri, dan motivasi memainkan peranan penting dalam membentuk moral remaja. Pada masa yang sama, faktor luaran seperti keluarga, institusi pendidikan, rakan sebaya dan komuniti turut mempengaruhi penghayatan akhlak secara signifikan. Secara eksplisit, dapatan kajian ini selaras dengan matlamat awal iaitu untuk memahami bagaimana gabungan faktor dalaman dan luaran membentuk akhlak remaja. Kesimpulan ini juga disokong oleh kajian terdahulu yang menekankan peranan institusi pendidikan dan pengaruh sosial dalam pembentukan nilai moral (Suhid, 2017; Tan et al., 2016). Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menjelaskan fenomena yang dikaji tetapi juga mengesahkan kepentingan faktor dalaman dan luaran dalam konteks pendidikan akhlak remaja luar bandar.

Manakala dari segi sumbangan, kajian ini memberikan nilai tambah yang signifikan kepada literatur akademik dalam beberapa aspek utama. Pertama, kajian ini mengisi jurang pengetahuan berkaitan penghayatan akhlak remaja luar bandar yang sebelum ini kurang mendapat perhatian berbanding populasi bandar. Dengan memfokuskan kepada konteks pendidikan Islam di Sabah, kajian ini menawarkan perspektif baru tentang dinamika akhlak remaja dalam persekitaran yang unik. Selain itu, hasil kajian ini menyumbang kepada teori pendidikan Islam dengan menekankan bahawa pembentukan akhlak memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan keluarga, sekolah dan komuniti. Hal ini penting bagi penggubal dasar dan pendidik dalam merangka strategi pendidikan yang lebih kontekstual dan responsif terhadap cabaran setempat. Dari segi aplikasi praktikal, dapatan kajian ini boleh dijadikan asas dalam membentuk program pembangunan akhlak yang lebih komprehensif di sekolah luar bandar. Pihak sekolah dan komuniti boleh merancang aktiviti yang lebih berkesan dalam meningkatkan penghayatan akhlak dalam kalangan remaja dengan mengutamakan gabungan faktor dalaman dan luaran yang menjadi fokus kajian ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur akademik dalam bidang pendidikan Islam tetapi juga memberikan panduan praktikal kepada pendidik dan penggubal dasar dalam merangka program pembangunan akhlak yang lebih komprehensif. Menerusi usaha pembentukan akhlak yang lebih holistik dan menyeluruh, generasi muda dapat dibentuk menjadi individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Skim Dana Kluster Penyelidikan yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah bertajuk 'Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Sekolah Luar Bandar Sabah' (Kod Geran : DKP0133). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Hamid, K. Z. (2012). Kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam program tarbiyah sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 2(1), 79–94.
- Abd Rahman, S. (2013). Faktor sosial dalam pembentukan akhlak remaja. *Jurnal Pendidikan Sosial*, 7(3), 15–28.
- Astro Awani. (2023). Kes Buli di Sekolah: 4,994 Kes pada Tahun 2023. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4994-kes-buli-direkodkan-dari-januari-hingga-oktober-2023-444181>
- Bahar, A. J., & Md. Sham, F. (2023). Pendekatan sabar dalam pembentukan akhlak Muslim pelajar. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20 (1).
- Bandura, A. (1986). *Social foundation of thought and action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Clifffes, NJ. Prentice Hall.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a unifying theory of behavior change. *Psychological Review*, 84.
- Goodman, M. A., & Dyer, W. J. (2023). How Does Religious Faith Impact Positive Youth Outcomes. *Religions*, 14(7), 881.
- Hassan, S.S., Dasan, N., & Ramli, I. (2024). Penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar KAA di Kota Kinabalu, Sabah: Suatu Analisis Deskriptif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 1042–1054.
- Hehsan, A., Rosman, A. S., Khairulanwar, B. I., Ghazali, M. A., Mohd. Yusof, F., & Junaidi, J. (2022). Kajian akhlak dan pengamalan remaja Muslim berdasarkan kitab Jami' Ulum Wal Hikam oleh Imam Ibnu Rajab Hanbali. *Umrans - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 73–83.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2020). Pendidikan Islam asas pembentukan akhlak mulia remaja. Diakses dari <https://www.ikim.gov.my/pendidikan-islam-asas-pembentukan-akhlak-mulia-remaja/>
- Ismail, N., Makhsin, M., Noor, A. M., Ismail, U. S., & Halim, W. M. A. W. (2022). Program pementoran Islam rakan sebaya sebagai medium pendidikan adab di era society 5.0. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 545-560.
- Junoh, H. (2011). *Pendidikan moral dan pembangunan pelajar* Tesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mat Daud, H., Yussuf, A., & Abdul Kadir, F.A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *E-Bangi*. 17 (9), 75-89.

- Mohd Akib, M.N., Md Yahya, N.S., Ishak, H., Mohammed Zabidi, A; F., Sa'ari, C.Z., & Syed Muhsin, S.B. (2024). Masalah spiritual remaja berisiko dan faktor yang mempengaruhinya: Suatu kajian literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 17: 1–20.
- Mohd Nasir, M.A., Mat Yusoff, A.M., Mohd Faudzi, F.N., Mat Ali, N.A., & Ismail, S. (2024). Model kesihatan mental remaja luar bandar di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 27, 185-216.
- Nasih Ulwan, A. N. (2004). *Pembentukan sahsiah anak-anak*. Jakarta: Pustaka Islam.
- Otinin, R. A., & Ahmadun, M. (2024). Kepentingan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar di Sabah: Satu Kajian Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 463-473.
- Rameli, N.A. (2014). *Pengaruh persekitaran keluarga dan perumahan terhadap tingkahlaku remaja di Ampang Jaya, Selangor*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Salleh, N., & Ramlan, M.Z. (2023). Kesan penghayatan ihsan terhadap pembentukan akhlak remaja Islam. *ISLĀMIYYĀT* 45(2), 3 - 13.
- Sidik, I. F., Awang, M.M., & Ahmad, A.R. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1(1), 67-76.
- Suhid, A. (2017). Pemantapan komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 3(2). 95–104.
- Sulaiman, A.M. (2014). *Peranan guru pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak murid dari aspek hubungan guru-murid berasaskan Abu Talib al-Makki (w. 386H/996M)*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Tan. R, Zainal Abiddin, N., & Suwirta, A. (2016). Faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(1), 55–66. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press.
- Tengku Muda, T. E. A., Abdul Hamid, N. A., Mat Rashid, A., Bakar, N. H., & Azmi, N. (2015). Kesalahan akhlak dan perkaitannya dengan faktor kematangan, kerohanian dan kesedaran sendiri individu. Dlm. *Proceedings of the World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*, 69–80.
- Yusuf al-Qardawi. (2012). *Akhlak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Islam.